bertanggungjawab membuat bayaran untuk kematian atau kecederaan yang timbul atau akibat daripada Pihak Diinsuranskan terlibat dengan perlumbaan, memandu laju, pertandingan lumba atau lain-lain jenis pertandingan. Adalah menjadi syarat terdahulu sebelum liabiliti diterima bahawa Pihak Diinsuranskan memakai topi keledar yang diluluskan dan memiliki lesen menunggang yang sah semasa bermotosikal.

7. **KETIDAKUPAYAAN** bermaksud Sakit, Penyakit atau kecederaan badan yang timbul akibat daripada satu sebab atau beberapa sebab yang berterusan.
8. **MANA-MANA SATU KETIDAKUPAYAAN** bermaksud semua tempoh ketidakupayaan yang timbul akibat daripada sebab yang sama termasuk mana-mana atau semua kesulitan kecuali jika Pihak Diinsuranskan sembuh sepenuhnya dan tidak perlu lagi mendapatkan rawatan selanjutnya (termasuk ubat-ubatan, pemakanan khusus atau suntikan atau nasihat untuk keadaannya) ketidakupayaan tersebut untuk tempoh sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari selepas tarikh terakhir keluar wad dan ketidakupayaan selepas itu akibat daripada sebab yang sama akan dianggap sebagai ketidakupayaan yang baru.
9. **HOSPITAL** bermaksud sebuah tempat yang ditubuhkan dan didaftarkan sebagai sebuah hospital untuk penjagaan dan rawatan orang-orang sakit dan cedera, dan di mana ia:-
 - 9.1. mempunyai peralatan untuk memeriksa, merawat dan melakukan pembedahan besar; dan
 - 9.2. menyediakan dua puluh empat (24) jam sehari khidmat jururawat oleh jururawat-jururawat berdaftar dan berkelayakan; dan
 - 9.3. berada dibawah penjagaan seorang Doktor Pakar; dan
 - 9.4. bukan sebuah klinik, tempat pemulihan penagih arak atau dadah, tempat penjagaan atau rehat atau rumah pemulihan atau rumah orang tua dan yang sepeertinya.
10. **DOKTOR, PAKAR, PAKAR BEDAH atau PENGAMAL PERUBATAN** bermaksud seseorang pengamal perubatan yang berdaftar mempraktikkan perubatan barat yang berkelayakan dan dilesenkan untuk memberi perkhidmatan perubatan dan pembedahan.
11. **TARIKH EFEKTIF INSURANS** bermaksud tarikh dimana polisi insurans ini mula berkuatkuasa, seperti yang dinyatakan dalam jadual polisi.
12. **JADUAL POLISI** bermaksud jadual polisi, yang merupakan sebahagian dan membentuk polisi ini.

13. **ROMPAKAN** seperti yang didefinisikan di bawah Seksyen 390 Kanun Keseksaan Malaysia iaitu perbuatan mencuri atau cubaan mencuri yang mana untuk melakukan kecurian atau melakukan kecurian atau semasa melakukan kecurian tersebut atau di dalam membawa lari atau cubaan membawa lari harta yang diperolehi daripada kecurian tersebut, oleh pesalah untuk mencapai tujuan tersebut, secara sengaja mengakibatkan atau cubaan untuk mengakibatkan kematian seseorang atau cedera, atau secara salah ditahan atau ditakuti akan kematian serta merta atau kecederaan serta merta atau secara salah ditahan serta merta.
14. **RINGGIT** dan simbol RM bermaksud mata wang sah di Malaysia.
15. **KENDERAAN BERMOTOR** bermaksud kenderaan jalan yang digerakkan oleh enjin pembakaran dalaman.
16. **PEJALAN KAKI** bermaksud seorang yang membuat perjalanan dengan kaki sama ada berjalan atau berlari.
17. **BASIKAL ATAU BASIKAL BERODA TIGA** bermaksud kenderaan yang digerakkan oleh pedal, dengan tenaga manusia dengan dua atau tiga roda dipasangkan pada suatu rangka.

PENERANGAN MANFAAT-MANFAAT

1. KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN

Syarikat akan membayar jumlah diinsuranskan seperti dinyatakan dalam Jadual Polisi.

2. KETIDAKUPAYAAN KEKAL

Sejumlah bayaran berdasarkan manfaat maksimum yang ditunjukkan di dalam Jadual Polisi mengikut kadar ketidakupayaan kekal yang dialami yang akan ditentukan mengikut Senarai Ketidakupayaan Kekal seperti disertakan.

Jadual Manfaat Hilang Upaya Kekal

Kecederaan	% daripada jumlah principal yang perlu dibayar
Kehilangan dua anggota Badan	100%
Kehilangan satu atau kedua-dua tangan, ataupun kesemua jari dan kedua-dua ibu jari	100%

Kehilangan keseluruhan penglihatan bagi kedua-dua belah mata	100%
Lumpuh keseluruhan	100%
Kecederaan yang menyebabkan kekal terlantar sakit di katil	100%
Sebarang kecederaan lain yang menyebabkan Hilang Upaya kekal	100%
Kehilangan bahagian lengan di bahu	100%
Kehilangan bahagian lengan di antara bahu dan siku	100%
Kehilangan bahagian lengan di antara siku	100%
Kehilangan bahagian lengan di antara siku dan pergelangan tangan	100%
Kehilangan tangan di antara pergelangan	100%
Kehilangan Kaki - di pinggul - antara lutut dan pinggul - bawah lutut	100%
Mata – Kehilangan - kesemua mata - penglihatan	100%

- 2.1 Kehilangan keseluruhan kekal akibat penggunaan ahli anggota akan dianggap sebagai kehilangan ahli anggota.
- 2.2 Jika terdapat lebih daripada satu ketidakupayaan kekal yang disebabkan oleh salah satu kemalangan, jumlah manfaat perlu bayar akan dikira dengan mencampurkan peratusan setiap Ketidakupayaan Kekal dengan syarat jumlah manfaat perlu bayar yang telah dikira itu tidak melebihi 100%. Sekiranya sejumlah 100% telah dibayar, Polisi ini akan berhenti dengan serta-merta.
- 2.3 Kadar Ketidakupayaan Kekal akan ditentukan dengan persetujuan diantara Pihak Yang Diinsuranskan dengan Syarikat dalam tempoh DUA BELAS (12) kalendar berlakunya kemalangan. Jika tiada persetujuan, ianya akan ditentukan melalui pemeriksaan kesihatan yang dijalankan oleh dua orang doctor pakar, seorang dilantik oleh Pihak Diinsuranskan dan seorang lagi oleh kami. Jika kedua-dua doctor pakar yang dipilih itu juga punya keputusan berbeza, keputusan doctor pakar ketiga akan dikira muktamad.
- 2.4 Jumlah kesemua peratusan berkaitan dengan mana-mana kemalangan dibawah Manfaat nombor 1 dan 2 tidak boleh melebihi 100%. Sekiranya jumlah sebanyak 100% telah dibayar, Polisi ini akan terbatal dengan serta merta

3. PENDAPATAN TUNAI HARIAN HOSPITAL

Syarikat akan membayar Pihak Diinsuranskan Pendapatan Tunai Harian Hospital mengikut had yang dinyatakan dalam jadual manfaat selama 30 hari disebabkan Pihak Diinsuranskan dimasukkan ke Hospital Kerajaan di Malaysia akibat kemalangan. Tertakluk kepada:

- 3.1 Tempoh maksimum yang perlu dibayar untuk manfaat ini dihadkan kepada 30 hari untuk mana-mana satu kemalangan yang timbul dalam tempoh insurans.
- 3.2 Untuk menikmati manfaat Pendapatan Tunai Harian Hospital, Pihak Diinsuranskan mestilah dimasukkan ke hospital sekurang-kurangnya 12 jam.

4. ELAUN KEMATIAN

Sebagai tambahan kepada semua bayaran, Syarikat akan membayar sejumlah amaun seperti dinyatakan dalam jadual polisi sebagai elaun kematian jika berlakunya kematian akibat kemalangan Pihak Diinsuranskan yang berlaku semasa tempoh insurans.

PENGECUALIAN AM

Insurans ini tidak melindungi kecederaan badan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh manamana kejadian berikut:

1. Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi ketenteraan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, keganasan, undang-undang tentera, kebangkitan pihak tentera atau kuasa lain.
2. Bunuh diri atau cubaan membunuh diri, kecederaan kepada diri sendiri, kemusnahan diri sendiri atau sebarang percubaan melakukannya samada ketika waras atau tidak waras.
3. Semasa dalam perjalanan dalam kapalterbang sebagai krew, melainkan sebagai penumpang yang membayar tambang dalam kapalterbang yang dilesenkan untuk membawa penumpang. Bagi tujuan pengecualian ini, Pihak Diinsuranskan tidak dilindungi jika beliau terlibat didalam sebarang operasi teknikal atau navigasi semasa dalam kapalterbang;
4. Semasa sedang terlibat dalam sebarang sukan profesional;
5. Semasa sedang melakukan atau dalam percubaan untuk melakukan sebarang tindakan yang melanggar undang-undang;
6. Melakukan aktiviti dalam air dengan menggunakan alat pernafasan dalam air (skuba), seni mempertahankan diri atau tinju, aktiviti udara

termasuk payung terjun, penerjunan dan peluncuran udara, hoki ais, bermain polo, lumba kuda, ski musim sejuk, pelayaran, ski air, menggunakan peralatan kerja-kayu yang punya kuasa mekanikal, berlumba (selain daripada berjalan kaki), memandu laju atau terlibat dengan perlumbaan atau lain-lain jenis pertandingan;

7. Melahirkan anak, keguguran, mengandung atau sebarang komplikasi berkaitan;
8. Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau Komplikasi Berkaitan AIDS walau bagaimanapun penyakit ini dijangkiti atau dinamakan.
9. Kesan atau pengaruh alkohol (melebihi had yang dibenarkan) dan dadah melainkan jika dadah itu diambil mengikut nasihat pengamal perubatan.
10. Kecacatan Ketika Lahir
Sebarang jenis kecacatan samada dari segi perubatan atau fizikal yang wujud semasa lahir, ataupun kecacatan fizikal yang wujud dalam tempoh 6 bulan sebelum lahir (lebih dikenali sebagai keadaan cacat), samada diketahui atau tidak oleh Pihak Diinsuranskan sebelum tarikh kuatkuasa insurans.
11. Kecacatan Fizikal
Sebarang kecacatan fizikal atau mental yang wujud sebelum tarikh kuatkuasa insurans.
12. Kelayakan Penduduk
Polisi ini hanya berkuatkuasa jika Pihak Diinsuranskan tinggal di Malaysia. Jika Pihak Diinsuranskan ke luar negara untuk tempoh melebihi 6 bulan berturut-turut, polisinya akan dibatalkan.

Bayaran manfaat masih akan dibuat sekiranya Pihak Diinsuranskan meninggal dunia atau mengalami kecederaan akibat kemalangan semasa dalam perjalanan ke luar Malaysia dalam tempoh enam (6) bulan berturut-turut. Setiap kali Pihak Diinsuranskan melakukan perjalanan dan pulang ke Malaysia, tempoh enam (6) bulan akan ditetapkan semula. (cth. untuk percutian pendek atau perjalanan berkaitan kerja).

13. Adalah menjadi syarat penting dan syarat sebelum liabiliti Anda, bahawa mana-mana Anda yang dilindungi dibawah Polisi ini tidak terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan pekerjaan-pekerjaan atau tugas-tugas berikut:

- 13.1 Tentera Udara, Polis, Pengawal Keselamatan, Tentera Laut, Tentera Darat dan Penguatkuasa Undang-undang.
- 13.2 Penguji Kapal terbang, pilot atau krew
- 13.3 Penyelam
- 13.4 Pemandu kereta lumba / Penunggang
- 13.5 Pelumba kuda

13.6 Orang yang terlibat dengan aktiviti sukan profesional

13.7 Orang yang terlibat dengan lombong bawah tanah dan kerja terowong

13.8 Bomba

13.9 Nelayan laut dan pekerja dilaut

13.10 Wakil peperangan

13.11 Pekerja pelantar minyak

13.12 "Steeplejacks"

13.13 "Stevedores"

13.14 Orang yang terlibat di dalam meruntuhkan bangunan

13.15 Orang yang terlibat dengan khidmat ambulan

13.16 Pembalak, pekerja-pekerja balak, pemandu / atendan lori-lori balak

13.17 Orang yang mengendalikan mesin kerja-kayu

13.18 Pengendali bahan letupan

13.19 Pembinaan empangan, jambatan atau kerja di bawah tanah, pencuci tingkap atau pekerjaan binaan pada ketinggian melebihi tiga puluh (30) kaki dari tanah

13.20 Pekerja yang mengendalikan dandang atau kapal bertekanan

13.21 Ahli sarkas dan Pelakon aksi lasak

13.22 Pengendali bahan letupan dan lain-lain bahan toksik, kerja yang melibatkan penggunaan kelengkapan, perkakas atau alat yang dikendalikan secara automatik

13.23 Pelakon dan Pendaki Gunung

13.24 Sebarang perkhidmatan e-hailing / perkhidmatan penghantaran makanan sambilan

Walaupun begitu, manfaat-manfaat dibawah Insurans ini akan dibayar berkaitan Kematian Akibat Kemalangan, Hilang Upaya Kekal atau lain-lain kerugian yang dilindungi oleh Polisi yang timbul akibat Kecederaan Badan semasa menghadiri aktiviti persendirian normal dan sosial diluar skop pekerjaan Pihak Diinsuranskan seperti dinyatakan di atas. Penginsurans berhak menafikan perlindungan untuk mana-mana Pihak Diinsuranskan walaupun jika Pihak Diinsuranskan tidak terlibat dengan sebarang pekerjaan di atas.

SYARAT-SYARAT AM

1. Menurut Kenyataan Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013

Apabila anda telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan anda, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk

mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan yang terdapat dalam borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) seperti contoh, anda perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda selaras dengan remedi di Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Anda juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan pihak kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

2. Perubahan Risiko

Pihak Diinsuranskan hendaklah memberi notis bertulis segera kepada Syarikat jika terdapat perubahan alamat atau pekerjaan dan status kesihatan. Jika gagal memberitahu kami, kami akan menarik balik semua perlindungan untuk sebarang kerugian atau kecederaan akibat daripada perubahan-perubahan tersebut jika perubahan ini meningkatkan risiko kemalangan.

3. Tuntutan

- 3.1 Notis bertulis mestilah diberi kepada kami dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada kejadian yang boleh menimbulkan tuntutan didalam Polisi ini. Kegagalan memberi notis dalam tempoh yang ditetapkan tidak akan mentaksahkan tuntutan jika boleh dibuktikan bahawa adalah tidak munasabah untuk memberi notis bertulis tersebut dan notis itu diberi sebaik sahaja ianya boleh.
- 3.2 Jika Pihak Diinsuranskan atau sesiapa yang bertindak bagi pihaknya melakukan penipuan didalam tuntutannya dibawah Polisi ini atau terlibat didalam aktiviti penipuan untuk meraih keuntungan dibawah Polisi ini, semua manfaat boleh berbayar dibawah Polisi ini akan terbatal.
- 3.3 Kami berhak dan berpeluang untuk melakukan pemeriksaan ke atas Pihak Diinsuranskan sekerap yang diperlukan dan melakukan otopsi jika berlaku kes kematian dan sekiranya tidak melanggar undang-undang.
- 3.4 Tanpa kebenaran bertulis, Pihak Diinsuranskan tidak boleh menolak liabiliti, berunding atau membuat pengakuan, tawaran, janji untuk

membayar berkaitan dengan mana-mana kemalangan atau tuntutan dan kami berhak untuk mengambil-alih jika perlu dan melakukan pembelaan tuntutan dibawah nama anda atau melakukan pendakwaan dibawah nama kami dengan perbelanjaan kami dan untuk faedah sendiri sebarang tuntutan untuk ganti rugi atau kerosakan atau menentang sesiapa sahaja dan mempunyai kuasa penuh didalam perbicaraan dan penyelesaian untuk sebarang tuntutan. Anda dan keluarga anda perlu memberi maklumat dan kerjasama apabila diperlukan.

- 3.5 Untuk memudahkan tuntutan di bawah Manfaat Kehilangan Dokumen Akibat Ragut, kejadian ragut tersebut mestilah dilaporkan kepada pihak polis dalam tempoh dua puluh empat (24) jam dari berlakunya kejadian dan penyerahan tuntutan bagi manfaat ini mestilah dilampirkan bersama dengan laporan polis dan resit bayaran daripada jabatan yang berkenaan.

3.6 Aliran Proses Tuntutan

- a) Pemberitahuan Tuntutan
 - a.1 Pihak Menuntut boleh membuka URL ini melalui pelayar untuk mengakses Portal Pelanggan Merimen (Pautan juga tersedia dalam laman web RHBI);
https://www.merimen.com.my/claims/index.cfm?fusebox=MTRcmt&fuseaction=dsp_claimant&ins=RHB&mobile=2
 - a.2 Pihak yang menuntut boleh pergi ke mana-mana cawangan RHBI.
 - a.3 E-mel atau whatsapp kepada Khidmat Pelanggan kami di rhbi.general@rhbgroup.com dan 012-6031978.
 - a.4 Hubungi Pusat Perhubungan Pelanggan kami di 1300 220 007.
- b) Pendaftaran Tuntutan & pengesahan Dokumen.
- c) Setelah menerima dokumen tuntutan penuh & lengkap, tawaran akan dikeluarkan dalam Sistem.
- d) Mengeluarkan pembayaran dalam talian & surat penyelesaian kepada Pihak Menuntut.

3.7 Kami akan membayar tuntutan dalam tempoh 5 hari bekerja (untuk tuntutan kematian) dan 7 hari bekerja (untuk tuntutan bukan kematian) daripada pemberitahuan tuntutan tertakluk kepada dokumentasi penuh diterima.

4. Tempoh Perlindungan dan Pembaharuan

Polisi ini akan berkuatkuasa bermula dari tarikh yang dinyatakan di dalam jadual polisi. Ulang tahun polisi ini adalah setahun selepas tarikh berkuatkuasanya insurans ini dan setiap tahun selepas itu. Pada setiap ulang tahun

tersebut, polisi ini boleh diperbaharui pada kadar premium yang digunakan pada masa tersebut seperti yang diberitahu oleh Syarikat. Polisi ini boleh diperbaharui atas pilihan Syarikat.

5. Syarat Pembatalan Portfolio

Syarikat berhak untuk membatalkan portfolio secara keseluruhan jika ia membuat keputusan untuk tidak menyambung produk insurans ini. Pembatalan portfolio keseluruhan akan diberi notis bertulis kepada pemegang polisi dan Syarikat akan "run off" semua polisi sehingga tarikh lupus untuk tempoh perlindungan dalam portfolio.

6. Pembatalan oleh Pihak Diinsuranskan

Anda boleh menamatkan Polisi pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada Kami tanpa sebarang pulangan semula Premium. Penamatan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh notis diterima oleh Kami, atau tarikh yang dinyatakan dalam notis, yang mana lebih awal.

7. Pembatalan oleh Syarikat

Syarikat berhak membatalkan atau menyemak semula produk yang terdapat dalam polisi ini, dengan syarat semua Polisi yang dikeluarkan dibawah Pelan ini dibatalkan atau disemak semula dan semua perubahan dibuat pada aniversari polisi sahaja. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Polisi ini, Syarikat boleh memberi notis pembatalan melalui surat berdaftar kepada Pihak Diinsuranskan pada alamat terakhirnya yang diketahui. Pembatalan itu akan berkuatkuasa empat belas (14) hari selepas tarikh notis tersebut. Sebahagian premium yang dibayar akan dipulangkan kepada Pihak Diinsuranskan oleh Syarikat.

8. Pembatalan Automatik

Polisi ini akan terbatal dengan serta-merta jika berlakunya kejadian- kejadian berikut, mana-mana yang terdahulu:

- 8.1 Serta-merta apabila Pihak Diinsuranskan mencapai umur 66 tahun pada hari lahirnya.
- 8.2 Kematian Pihak Diinsuranskan atau jika Pihak Diinsuranskan mengalami ketidakupayaan kekal akibat daripada kemalangan membolehkan tuntutan dibuat dimana manfaat penuh 100% daripada Jumlah Prinsipal Insurans seperti dinyatakan dalam Jadual Polisi telah di bayar.

9. Pembebasan dari Liabiliti

Sebarang penerimaan atau pembebasan yang diberi kepada kami berkaitan tuntutan di bawah Polisi ini adalah

dianggap lengkap dan pelepasan muktamad daripada semua liabiliti kami berkaitan dengan tuntutan tersebut.

10. Pembayaran Manfaat

Manfaat perlu bayar di bawah Polisi ini akan dibayar kepada Pihak Diinsuranskan, jika beliau meninggal dunia, manfaat akan dibayar kepada Benefisiari yang dinamakan atau kepada waris harta pusaka beliau sekiranya tiada Benefisiari yang dinamakan, sama jika Pihak Diinsuranskan adalah seorang Islam, dimana pembayaran manfaat dibawah Polisi ini akan ditentukan oleh Undang-undang Islam yang berkenaan dan Undangundang Syariah yang diguna pakai.

11. Keperluan Penjagaan

Jika berlaku kecederaan yang berkaitan dengan Polisi ini, Pihak Diinsuranskan perlu mendapatkan nasihat doktor atau pakar bedah atau pengamal perubatan secepat yang mungkin dan bertindak mengikut nasihatnasihat yang diberikan.

12. Kadar Pertukaran Matawang

Sekiranya berlaku kemasukan ke hospital di luar Malaysia, bil-bil yang menggunakan matawang selain daripada Ringgit Malaysia akan dibayar berasaskan kadar pertukaran matawang asing (kadar pasaran terbuka jika ia pasaran bebas, kadar rasmi jika bukan pasaran bebas) berkuatkuasa pada tarikh Pihak Diinsuranskan dikeluarkan daripada hospital.

13. Undang-undang Digunapakai

Polisi ini di bawah undang-undang Malaysia dan adalah tertakluk di bawah undang-undang yang digunapakai di Malaysia. Ganti rugi yang diberi oleh Polisi ini tidak akan digunapakai jika penghakiman yang dikeluarkan bukan diperolehi daripada Mahkamah yang berkuasa di dalam Malaysia, bukan juga arahan-arahan yang diterima didalam Mahkamah tersebut untuk menguatkuasakan penghakiman yang dibuat diluar Malaysia, samada melalui perjanjian bersaling atau sebaliknya.

14. Keseluruhan Kontrak : Perubahan

Polisi ini, termasuk Jadual Polisi, pengesahan, dan perubahan- perubahan, sekiranya ada, akan melibatkan keseluruhan kontrak di antara pihak-pihak terlibat. Tiada perubahan dalam Polisi ini dikira sah melainkan setelah diluluskan oleh Syarikat dan dibuktikan oleh pengesahan dan perubahan.

15. Tindakan Undang-undang

Tiada tindakan undang-undang atau ekuiti, boleh diambil untuk mendapatkan semula Polisi sebelum

tamat tempoh atau sembilan puluh (90) hari setelah bukti tuntutan telah diserahkan mengikut keperluan Polisi ini.

16. Syarat Duluan Terhadap Liabiliti

Pematuhan dan pemenuhan yang sewajarnya akan terma- terma, syarat-syarat dan pengesahan Polisi ini setakat yang ia berkaitan dengan segala perkara yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Pihak Diinsuranskan atau mana-mana pihak menuntut di bawah Polisi dan kebenaran bagi pernyataan dan jawapan di dalam cadangan tersebut hendaklah menjadi syarat duluan kepada sebarang liabiliti Syarikat untuk membuat sebarang pembayaran di bawah Polisi ini.

17. Klausula Risiko Radioaktif / Tenaga Nuklear

Insurans ini tidak melindungi kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan atau akibat daripada apa-apa kehilangan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau dikongsi oleh atau timbul daripada :-

- 17.1 radiasi ion atau kontaminasi oleh radioaktif daripada mana- mana nuklear atau daripada sisa-sisa pembuangan nuklear daripada pembakaran oleh nuklear.
- 17.2 Bahan radioaktif, toksik, letupan atau lain-lain bahan memudaratkan atau bahan yang tercemar daripada sebarang jenis pemasangan nuklear, reaktor atau lain-lain pengumpulan nuklear atau komponen nuklear.
- 17.3 Sebarang senjata peperangan melibatkan atom atau pembakar nuklear dan/atau pencetus pembakaran lain atau kuasa radioaktif atau sepeertinya.

18. Klausula Peperangan dan Keganasan

Insurans ini tidak mengambilkira kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan dalam apa jua bentuk secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, akibat daripada atau berkaitan dengan mana-mana yang berikut samada terdapat sebab atau kejadian lain yang menyumbang kepadanya dalam tempoh yang sama atau dalam apa jua turutan kepada kerugian:-

- 18.1 peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi ketenteraan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, insureksi, pertempuran awam yang mencetuskan pemberontakan, ketenteraan atau pengambilan kuasa;
- 18.2 tindakan keganasan adalah dipersetujui bahawa, tidak mengambilkira apa-apa faktor, Polisi ini tidak melindungi sebarang kerugian dalam apa jua

cara yang disebabkan atau diakibatkan oleh tindakan keganasan yang melibatkan penggunaan atau pembebasan atau ancaman oleh mana-mana senjata nuklear atau peranti atau bahan kimia atau agen biologi. Untuk tujuan ini tindakan keganasan bermaksud tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau kekerasan dan/atau ugutan sedemikian, oleh mana- mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau berhubung dengan mana- mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau yang seumpamanya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menyebabkan orang awam atau sebahagian orang awam berada dalam ketakutan.

Ia juga tidak termasuk sebarang kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan bagi apa jua keadaan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, berpunca dari atau berkaitan dengan apa-apa tindakan yang diambil di dalam mengawal, menghalang, atau di dalam apa-apa cara yang berkaitan dengan (19.1) dan/atau (19.2) di atas.

Sekiranya Syarikat menganggap dengan sebab pengecualian ini, sebarang kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan tidak dilindungi oleh polisi ini adalah menjadi tugas Pihak Diinsuranskan untuk membuktikan Sebaliknya.

Jika berlaku keadaan dimana sebarang bahagian pengecualian ini dianggap tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, selainnya akan terus dianggap berkuatkuasa dan boleh digunakan.

NOTIS KEPADA PEMEGANG POLISI

Sila memeriksa Polisi insurans untuk memastikan ianya memenuhi keperluan **Anda**.

Untuk mengelakkan salah faham, adalah sangat penting **Polisi**, Jadual dan sebarang pengendorsan disertakan di sini dibaca bersama secara terperinci.

Sekiranya **Anda** mempunyai sebarang aduan atau keraguan berkaitan dengan Polisi **Anda**, sila hubungi ejen **Anda**, sekiranya ada atau berhubung dengan pejabat yang mengeluarkannya. Kami memastikan aduan **Anda** dilayani dengan segera.

Bagi tujuan dan maksud sekiranya terdapat konflik atau kekaburan berkenaan makna di dalam peruntukan Bahasa Malaysia tentang mana- mana bahagian Kontrak, adalah dipersetujui bahawa Kontrak versi Bahasa Inggeris akan terpakai.

Sebagai Penanggung Insurans yang bertanggungjawab, Kami ingin membawa kepada perhatian **Anda** bahawa Anda boleh mengemukakan ketidakpuasan **Anda** kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS) atau Biro Perkhidmatan Pelanggan (CSB) Bank Negara seperti yang ditunjukkan di bawah.

BAGAIMANA UNTUK MEMBUAT ADUAN

Jika **Anda** tidak berpuas hati dengan mana-mana aspek perkhidmatan **Kami**, **Kami** ingin mendengar daripada **Anda**. **Anda** boleh membuat aduan dalam bentuk apa jua yang paling selesa dengan **Anda** samada melalui panggilan telefon kepada operator **Kami** atau, secara bertulis, fax atau e• mel aduan **Anda** kepada:

Unit Pengendalian Aduan

Services act Berhad
Aras 12B, West Wing, The Icon
No 1, Jalan 1/68F, Jalan Tun Razak, 55000 Kuala Lumpur
Tel: 1300-220-007
Faks: 03-2163 7277
E-mel : complaints_unit@rhbinsurance .com.my

Kami akan berusaha untuk bertindak balas kepada aduan **Anda** dalam masa empat belas (14) hari. Jika **Kami** tidak dapat menyelesaikan perkara tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan seandainya rumit, **Anda** akan diberitahu tentang perkembangan yang telah dibuat tentang aduan **Anda** tersebut.

Anda boleh membantu **Kami** untuk memberi tindak balas secepat mungkin dengan memberi **Kami** maklumat-maklumat berikut:

1. Nama, alamat dan nombor untuk dihubungi
2. No. Nota Perlindungan / No. Polisi / No. Tuntutan

Sekiranya setelah mengambil langkah-langkah di atas dan **Anda** masih tidak berpuas hati, **Anda** boleh menulis ke:

Unit Pengurusan Aduan

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS)

Tingkat 14, Blok Utama
Menara Takaful Malaysia No. 4, Jalan Sultan Sulaiman 50000 Kuala Lumpur
Tel: 03-2272 2811
Faks: 03-2272 1577
E-mel:
enquiry@ofs.org.my
Laman Web :
www.ofs.org.my

Jika Pengantara membuat keputusan yang tidak menyebelahi **Syarikat**, **Anda** diminta untuk memberitahu Pengantara mengenai keputusan **Anda** untuk menerima atau menolak keputusan tersebut dalam tempoh empat belas (14) hari.

Jika Anda tidak menerima keputusan tersebut, Anda boleh menolak keputusan Pengantara. Anda bebas untuk mengambil tindakan mahkamah ke atas **Syarikat** atau merujuk kepada Timbangtara.

Sebagai pilihan, **Anda** boleh menghantar ketidakpuasan hati **Anda** terhadap tindakan **Syarikat** secara bertulis kepada Bank Negara Malaysia dengan memberi secara terperinci maklumat aduan **Anda** dan informasi Polisi **Anda** kepada:

BNMTELELINK

Jabatan Komunikasi Korporat Bank Negara
Malaysia Peti Surat 10922
50929 Kuala Lumpur
Tel: 1300-88-5465 (LINK) Faks: 03-2174 1515
E-mel: bnmteletelink@bnm.gov.my

HEAD OFFICE / IBU PEJABAT	CUSTOMER RELATIONSHIP CENTRE / KAUNTER KHIDMAT PELANGGAN	CALL CENTRE / PUSAT PANGGILAN
Level 12, West Wing, The Icon, No.1, Jalan 1/68F, Jalan Tun Razak, 55000 Kuala Lumpur Tel: 03 - 2180 3000 Fax: 03 - 9281 2729 Website: insurance.rhbgroup.com	Level 1, Tower Three, RHB Centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur Tel: 1300-220-007 Fax: 03 – 2163 7277 Email: rhbi.general@rhbgroup.com	Claims Inquiries: 03 - 2180 3030
Assistance Provider/ Penyedia Bantuan	24 Hours Hotline: 03-7965 3833	